



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 17 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,629 kes** (779,171 kes kumulatif, 86.0%);
- Kes baharu : **12,528 kes** (905,851 kes kumulatif);
- Kes import : **19 kes** (13 warganegara, 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **12,509 kes** [9,848 warganegara (78.7%); 2,661 bukan warganegara (21.3%)];
- Kes aktif : **119,814 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **908 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **425 kes**;
- Kes kematian : **138 kes** (6,866 kes kumulatif, 0.76%; 128 warganegara, 10 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,233 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **28 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,327 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **906 kluster**.

Daripada **12,528 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **6,840 kes (54.6 peratus)** adalah daripada kategori 1 (tidak bergejala), **5,468 kes (43.6 peratus)** kategori 2 (bergejala ringan), **112 kes (0.9 peratus)** kategori 3 (radang paru-paru), **44 kes (0.4 peratus)** kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen), dan **64 kes (0.5 peratus)** kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan). Keseluruhannya, **98.2 peratus** kes yang dilaporkan hari ini berada pada kategori 1 dan 2.

Sebanyak **138 kes** kematian yang dilaporkan pada hari ini melibatkan **46 kes** di Selangor, **20 kes** di Negeri Sembilan, masing-masing **16 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor, **12 kes** di Pahang, **11 kes** di Melaka, **tujuh (7) kes** di Kedah, **empat (4) kes** di Perak, **tiga (3) kes** di Pulau Pinang, **dua (2) kes** di Terengganu, dan **satu (1) kes** di Sabah.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU $R_0$ / $R_T$ (STATUS SEHINGGA 16 JULAI 2021)


Berdasarkan data terkini pada **16 Julai 2021**, nilai  $R_T$  Malaysia adalah sebanyak **1.19**. Negeri yang mencatatkan nilai  $R_T$  yang tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai  $R_T$  1.31). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan  $R_T$  melebihi 1.0 adalah Terengganu (nilai  $R_T$  1.25), Negeri Sembilan (nilai  $R_T$  1.21), Kedah (nilai  $R_T$  1.20), Selangor (nilai  $R_T$  1.19), Melaka (nilai  $R_T$  1.18), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai  $R_T$  1.17), Pulau Pinang (nilai  $R_T$  1.14), Kelantan (nilai  $R_T$  1.11), Pahang (nilai  $R_T$  1.10), Perak (nilai  $R_T$  1.10), Sabah (nilai  $R_T$  1.09), dan Johor (nilai  $R_T$  1.08).

Nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

## ELAK KORBAN AKIBAT COVID-19 AKIBAT KLUSTER KUNJUNG MENGUNJUNG DAN KLUSTER RENTAS NEGERI SEMASA PERAYAAN HARI RAYA AIDILADHA

Bermula 1 Jun 2021, iaitu sejak permulaan pelaksanaan “*Total lockdown*” sehingga data terkini 16 Julai 2021, sebanyak **267 kluster komuniti** dengan jumlah **17,106 kes positif COVID-19** telah dilaporkan oleh KKM. Kes-kes tersebut dikesan daripada sejumlah **72,755 individu yang disaring (kadar positifiti 23.5 peratus)** melalui *Active Case Detection* (ACD) yang dijalankan di lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) secara berterusan. Daripada jumlah 17,106 kes tersebut, 105 kematian telah dilaporkan sehingga kini dan 42 kes sedang mendapatkan rawatan di ICU.

### JUMLAH KLUSTER KOMUNITI MENGIKUT MINGGU EPID ME 53/2020 HINGGA ME 28/2021 (SEHINGGA 16 JULAI 2021)



Kluster-kluster komuniti ini tercetus susulan sambutan majlis perayaan yang lalu (Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai), aktiviti kunjung-mengunjung di kawasan kejiranan atau kampung, perjumpaan antara ahli keluarga dari rumah-rumah yang berlainan serta majlis pengebumian. Beberapa kluster komuniti ini turut melibatkan aktiviti rentas negeri bagi tujuan yang disebutkan di atas.

KKM juga ingin menzahirkan kekhawatiran berkaitan **21 kluster yang didapati tercetus akibat aktiviti merentas negeri (Import B)**. Dalam tempoh 1 Jun 2021 sehingga 16 Julai 2021 sahaja, sebanyak **1,010 kes positif COVID-19** telah dilaporkan dalam 21 kluster ini, iaitu daripada **5,681 individu yang disaring (kadar positifiti 17.8 peratus)**. Kluster-kluster ini didapati melibatkan aktiviti rentas negeri bagi tujuan sambutan perayaan, mengunjungi ahli keluarga, menghadiri majlis pengebumian serta atas urusan kerja.

Negeri-negeri yang melaporkan jumlah kluster rentas negeri tertinggi sejak 1 Jun 2021 adalah Perak dengan lapan (8) kluster (38.1 peratus), Terengganu dengan lima (5) kluster (23.8 peratus) serta Kelantan dengan tiga (3) kluster (14.3 peratus).

# JUMLAH KLUSTER IMPORT B MENGIKUT MINGGU EPID ME 51/2020 HINGGA ME 28/2021 (SEHINGGA 16 JULAI 2021)

Jumlah Kluster Rentas Negeri


Jumlah Kes Terlibat

Jumlah Disaring

73

7,688

73,438



Kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, mereka yang mempunyai masalah kesihatan seperti penyakit diabetes atau kanser merupakan kumpulan yang sangat mudah terkesan dengan jangkitan COVID-19. Kita harus sedar bahawa sistem pertahanan tubuh mereka adalah lebih rendah dan membuatkan mereka mudah dijangkiti COVID-19. Tahap kesihatan mereka juga mudah merosot apabila dijangkiti COVID-19, sehingga ada yang boleh membawa kepada kematian.

KKM ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua penduduk Malaysia yang telah bersungguh-sungguh

dalam mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan dan terus kekal duduk di rumah. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab serta mementingkan diri yang cuai dalam mematuhi SOP serta menyebabkan penularan kes atau kejadian kluster dalam komuniti. Bak kata pepatah, kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Justeru, KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru masyarakat supaya mengambil iktibar dan tidak mengulangi sikap tidak bertanggungjawab, khususnya semasa sambutan Hari Raya Aidiladha yang akan diraikan pada 20 Julai 2021. Masyarakat diingatkan bahawa larangan rentas daerah dan negeri masih lagi berkuatkuasa. Begitu juga larangan kunjung-mengunjung bagi menyambut perayaan. Jangan pula dalam keseronokan menyambut Hari Raya Korban menyebabkan kita sama-sama 'terkorban' dek kerana COVID-19.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

17 Julai 2021 @ 6:30 petang.



**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 17 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	4,985 (4)	317,591
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1,740 (15)	97,618
<b>JOHOR</b>	625	77,870
<b>SABAH</b>	647	74,479
<b>SARAWAK</b>	388	71,039
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1,280	60,258
<b>PULAU PINANG</b>	396	38,575
<b>KELANTAN</b>	211	37,412
<b>KEDAH</b>	701	31,854
<b>PERAK</b>	428	30,842
<b>MELAKA</b>	569	24,763
<b>PAHANG</b>	317	18,104
<b>TERENGGANU</b>	177	12,530
<b>WP LABUAN</b>	22	9,377
<b>WP PUTRAJAYA</b>	41	2,917
<b>PERLIS</b>	1	622
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12,528 (19)</b>	<b>905,851</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 138 kes kematian pada 17 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian		Sejarah Penyakit
		Lelaki	Perempuan	WN	BWN	Hospital	BID	
Selangor	46	33	13	39	7	40	6	33
Negeri Sembilan	20	11	9	20	-	20	-	20
WP Kuala Lumpur	16	6	10	15	1	14	2	11
Johor	16	10	6	15	1	14	2	14
Pahang	12	8	4	12	-	7	5	11
Melaka	11	7	4	11	-	10	1	11
Kedah	7	5	2	7	-	7	-	5
Perak	4	4	-	4	-	3	1	3
Pulau Pinang	3	2	1	3	-	3	-	3
Terengganu	2	2	-	2	-	1	1	-
Sabah	1	1	-	-	1	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>138</b>	<b>89</b>	<b>49</b>	<b>128</b>	<b>10</b>	<b>120</b>	<b>18</b>	<b>122</b>

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

\* BID merujuk kepada *Brought In Dead*

### LAMPIRAN 3

Perincian 12,528 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 17 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,985	70	2,876	4	2,035
WP KUALA LUMPUR	1,740	579	647	15	499
NEGERI SEMBILAN	1,280	282	581	-	417
KEDAH	701	79	455	-	167
SABAH	647	287	220	-	140
JOHOR	625	325	213	-	87
MELAKA	569	303	142	-	124
PERAK	428	152	100	-	176
PULAU PINANG	396	172	135	-	89
SARAWAK	388	57	271	-	60
PAHANG	317	81	195	-	41
KELANTAN	211	131	54	-	26
TERENGGANU	177	84	75	-	18
WP PUTRAJAYA	41	-	26	-	15
WP LABUAN	22	4	6	-	12
PERLIS	1	-	1	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12,528</b>	<b>2,606</b>	<b>5,997</b>	<b>19</b>	<b>3,906</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 17 JULAI 2021**

<b>No</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Kategori Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah disaring</b>
1	Jalan Langsung Choh	Tempat Kerja	Johor	Pontian	30	78
2	Jalan Penaga 18	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	11	80
3	Jalan Keluli Empat	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	46	236
4	Perindustrian PLO 34	Tempat Kerja	Johor	Kulai	12	52
5	Lorong Perusahaan 10	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	16	155
6	Lorong Jelawat	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Utara	31	717
7	Lorong Perusahaan 8B	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, dan Seberang Perai Utara	57	705
8	Lorong Perusahaan Baru Tiga	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, dan Seberang Perai Selatan	17	103
9	Saujana Putra Satu	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat dan Petaling	75	492
10	Industri Alam Perdana	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	49	105
11	Industri Saujana Teratai	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	14	17
12	Tapak Bina Jalan Batu View	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	141	327
13	Jalan Limau Purut	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	23	26

14	Tapak Bina Jalan Awan Besar	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	270	287
15	Industri Jalan Usaha 13	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	29	220
16	Industri Lot 11 Tangga Batu	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	150	585
17	Industri Lot Lima Batu Berendam	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah dan Alor Gajah	34	852
18	Industri Jalan TJ Utara	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	48	61
19	Industri Chembong	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Rembau	60	226
20	Kampung Tanjung Tok Sadang	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	20
21	Kampung Bujuk	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	14	17
22	Kampung Kepas	Komuniti	Kelantan	Machang	7	12
23	Rantau Melor	Komuniti	Pahang	Jerantut	7	25
24	Jambatan Liawan	Komuniti	Sabah	Keningau	45	256
25	Bedup Longgo	Komuniti	Sarawak	Serian	25	93
26	Lorong Chinniah	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Klang	16	21
27	Paya Datuk	Kumpulan Berisiko Tinggi	Melaka	Alor Gajah, Melaka Tengah, dan Jasin	58	294
28	Jalan Seri Tawar	Pendidikan Lain	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	12	21

**LAMPIRAN 5****NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 16 JULAI 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.31
<b>TERENGGANU</b>	1.25
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.21
<b>KEDAH</b>	1.20
<b>SELANGOR</b>	1.19
<b>MELAKA</b>	1.18
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	1.17
<b>PULAU PINANG</b>	1.14
<b>KELANTAN</b>	1.11
<b>PAHANG</b>	1.10
<b>PERAK</b>	1.10
<b>SABAH</b>	1.09
<b>JOHOR</b>	1.08
<b>SARAWAK</b>	0.92
<b>WP LABUAN</b>	0.76
<b>PERLIS</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>1.19</b>